



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN “PELUANG MEMENANGI JUMLAH HADIAH RM50,000 APABILA ANDA MENYIMPAN DI BSN SSP, MEMOHON PRODUK PEMBIAYAAN ATAU BELANJA DENGAN KAD BSN.”**  
*TERMS AND CONDITIONS CAMPAIGN “STAND A CHANCE TO WIN TOTAL PRIZES OF RM50,000 WHEN YOU SAVE IN BSN SSP, APPLY FINANCING PRODUCT OR SPEND WITH BSN CARDS”.*

**TEMPOH KEMPEN / CAMPAIGN PERIOD**

- Kempen “Peluang Memenangi jumlah hadiah RM50,000 apabila anda menyimpan di BSN SSP, melanggan produk Pembiayaan atau belanja dengan Kad BSN” (“Kempen”)** dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (“**BSN**”) dan akan berlangsung daripada 15 Mac hingga 15 Jun 2024 (“**Tempoh Kempen**”), melainkan dinyatakan sebaliknya oleh BSN. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen adalah dianggap terbatal. /  
*“Stand a chance to win total prizes of RM50,000 when you save in BSN SSP, subscribe financing product or spend with BSN Cards” Campaign (“Campaign”) is organized by Bank Simpanan Nasional (“BSN”) and will be held from 15 March 2024 until 15 June 2024 (“Campaign Period”), unless notified otherwise by BSN. All entries received outside the Campaign Period will be disqualified.*

**KELAYAKAN (mengikut produk/kemudahan) / ELIGIBILITY (based on the product/facility)**

- Kelayakan pelanggan BSN untuk menyertai Kempen ini mengikut jenis kemudahan dan/atau produk:  
*Eligibility of BSN’s customers to participate in this Campaign based on the types of facility and/or product:*

<b>Produk/Kemudahan Product/Facility</b>	<b>Syarat Kelayakan Eligibility Requirements</b>
a) BSN Sijil Simpanan Premium (SSP)	<p>Terbuka kepada pelanggan baharu dan sedia ada BSN SSP yang berumur dua belas (12) tahun dan ke atas. /  <i>Open to new and existing customers of BSN SSP aged twelve (12) years old and above.</i></p> <p>Nota / Note:</p> <p>Simpanan bagi BSN SSP boleh dibuat melalui mana-mana saluran simpanan BSN seperti berikut: /  <i>Savings can be made via any of the following BSN’s savings channels:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Mesin Teler Automatik (ATM) / Automated Teller Machine (ATM);</i></li> <li><i>ii. Mesin Deposit Tunai (CDM) / Cash Deposit Machine (CDM);</i></li> <li><i>iii. Perbankan Internet myBSN / myBSN Internet Banking;</i></li> <li><i>iv. Cawangan BSN (di kaunter) / BSN branch (over the counter);</i></li> <li><i>v. Ejen Bank (EB) BSN / BSN Agent Banking (EB);</i></li> <li><i>vi. Cawangan Bas Bergerak BSN / BSN Mobile Branch.</i></li> </ul>
b) BSN Sijil Simpanan Premium (SSP) Platinum	
c) ASB Term Financing-i (untuk pelajar) / <i>ASB Term-i Financing (for students)</i>	<p>i. Terbuka kepada pelanggan baru BSN yang telah diluluskan permohonannya bagi kemudahan Pembiayaan Peribadi atau ASB Term-i Financing atau ASB Term Financing-i untuk pelajar oleh BSN dan pembiayaan tersebut telah dibuat pengeluaran kepada pelanggan; dan /  <i>Open to BSN’s new customer whose application for the Personal Financing or ASB Term-i Financing or ASB Term-i Financing for students facility has been approved by BSN and the said financing has been disbursed to the respective customer; and</i></p> <p>ii. Akaun Pembiayaan masih kekal aktif, berkuat kuasa dan sah pada masa cabutan Hadiah (sepertimana ditafsirkan selepas ini) dibuat. /  <i>The financing account remains active, enforceable and valid at the time the Prize (as hereinafter defined) draw is conducted.</i></p>
d) Pembiayaan Peribadi atau ASB Term-i Financing (untuk bukan pelajar) / <i>Personal Financing or ASB Term-i Financing (for non-student)</i>	
e) Kad Kredit-i BSN Visa (“Kad Kredit BSN”) / <i>BSN Visa Credit Card/i Cardmembers (“BSN Credit Card”)</i>	<p>i. Semua Ahli Kad Utama Kad Kredit-i BSN Visa (“Kad Kredit BSN”) atau Kad Visa Debit adalah layak untuk menyertai Kempen ini (“Ahli Kad”); dan /  <i>All BSN Principal Visa Credit Card/i Cardmembers (“BSN Credit Card”) atau BSN Visa Debit are eligible to participate in this Campaign (“Cardmembers”); and</i></p>

f) Kad Visa Debit / <i>BSN Visa Debit</i>	ii. Akaun Kad Kredit BSN dan Kad Debit BSN pelanggan mestilah terkini, sah dan mempunyai rekod yang baik. Sekiranya pelanggan menamatkan akaun Kad Kredit BSN dalam Tempoh Kempen, maka BSN berhak membatalkan penyertaan atau kelayakan pelanggan daripada menerima Hadiah (sepertimana ditafsirkan selepas ini). / <i>The customer BSN Credit Card and BSN Debit Card account must be current, valid and in good standing. In the event the customer terminates the BSN Credit Card account during the Campaign Period, then BSN reserves the right to disqualify the customer from receiving any Prizes (as hereinafter defined).</i>
---	---

3. Individu-individu yang berikut TIDAK LAYAK untuk menyertai Kempen ini:  
*The following individuals shall **NOT BE ELIGIBLE** to participate in the Campaign:*

<b>Produk/Kemudahan Product/Facility</b>	<b>Butiran Details</b>
a) Pembiayaan Peribadi atau ASB Term-i Financing (untuk bukan pelajar) / <i>Personal Financing or ASB Term-i Financing (for non-student)</i>	i. Kakitangan tetap atau kontrak BSN dan/atau anak syarikat BSN dan/atau syarikat-syarikat berkaitannya termasuk ahli keluarga terdekat mereka (iaitu suami, isteri, anak-anak dan ibu bapa)/ <i>Permanent or contract employees of BSN and/or BSN's subsidiaries and/or related companies including their staff and/or immediate family members (i.e. spouses, children and parents);</i>
b) ASB Term Financing-i (untuk pelajar) / <i>ASB Term-i Financing (for student)</i>	ii. Wakil-wakil dan/atau ejen-ejen BSN (termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen pengiklanan, ejen promosi dan pembekal perkhidmatan, vendor komputer / sistem / teknologi) / <i>BSN's representatives and/or agents (including but not limited to advertising agents, promotion agents and service providers, and computer / systems / technology vendors);</i> iii. Individu di bawah umur 18 tahun (tertakluk kepada pakej produk yang ditawarkan) / <i>Individuals below the age of 18 years old (subject to the product package offered);</i> iv. Bukan warganegara Malaysia / <i>Non-Citizen of Malaysia.</i>
c) <b>Kad Kredit/i BSN Visa ("Kad Kredit BSN") dan Kad Visa Debit /</b> <i>BSN Visa Credit Card/i Cardmembers ("BSN Credit Card") and BSN Visa Debit</i>	i. Ahli Kad Tambahan Kad Kredit/i BSN Visa/Mastercard (" <b>Ahli Kad Tambahan</b> ") dan <i>BSN Supplementary Visa/Mastercard Credit Card/i Cardmembers ("Supplementary Cardmembers"); and</i> ii. Ahli Kad yang mempunyai sebarang akaun dengan BSN yang dipercayai telah dioperasikan secara penipuan atau tidak sah, telah digantung, ditutup, dibatalkan, delinkuen dan/atau yang melanggar perjanjian mereka dengan BSN./ <i>Cardmembers whose accounts with BSN are believed to be operated fraudulently or which have been invalid, suspended, closed, cancelled, delinquent and/or who are in breach of their agreement with BSN.</i>

4. Walau apa pun peruntukan di atas, BSN mempunyai budi bicara mutlak untuk menentukan kriteria kelayakan pelanggan yang boleh menyertai Kempen ini.  
*Notwithstanding the above, BSN shall have the sole discretion to decide on the eligibility criteria of the customer are entitled to participate in the Campaign.*

## MEKANISME KEMPEN / CAMPAIGN MECHANISME

5. Penyertaan Kempen yang boleh dikumpul oleh pelanggan BSN dan individu-individu adalah seperti berikut (“**Penyertaan Kempen**”):  
*Campaign Entry(ies) that may be earned by the BSN customer and the individuals described above based on the category are as follows (“Campaign Entry(ies)”):*

Kategori Category	Penyertaan Kempen Campaign Entry(ies)
<p>Simpan dalam BSN SSP minimum terkumpul RM5,000 sepanjang Tempoh Kempen.  <i>Save in BSN SSP minimum accumulated of RM5,000 during the Campaign Period.</i></p> <p>Sebarang pengeluaran sepanjang Tempoh Kempen adalah tidak dibenarkan.  <i>Withdrawal during the Campaign Period is not allowed.</i></p>	1
<p>Simpan dalam BSN SSP Platinum minimum RM10,000 dalam satu peletakkan.  <i>Save in BSN SSP Platinum min RM10,000 in a single placement during the campaign period.</i></p> <p>Sebarang pengeluaran sepanjang Tempoh Kempen adalah tidak dibenarkan.  <i>Withdrawal during the Campaign Period is not allowed.</i></p>	5
<p>Pelanggan baharu dengan jumlah Pembiayaan Peribadi atau ASB Term-i Financing (untuk bukan pelajar) atau ASB Term-i Financing (untuk pelajar) minimum RM30,000 dan ke atas.  <i>New Customers with Personal Financing product or ASB Term-i Financing (for non-student) or ASB Term-i Financing (for students) amounting of minimum RM30,000 and above.</i></p> <p>Memohon, diluluskan dan menerima pengeluaran produk Pembiayaan Peribadi atau ASB Term-i Financing (untuk bukan pelajar) atau ASB Term-i Financing (untuk pelajar).  <i>Apply, granted with and receive the disbursement of the Personal Financing product or ASB Term-i Financing (for non-student) or ASB Term-i Financing (for students).</i></p>	5
<p>Setiap Perbelanjaan Yang Layak yang terkumpul berjumlah RM500 dengan Kad Kredit-i Visa BSN atau BSN Visa Debit.  <i>Every cumulative Qualified Spending amounting of RM500 with BSN Visa Credit Card/-i and BSN Visa Debit.</i></p>	5

\*Nota/Note:

- a) “Perbelanjaan Yang Layak” bermaksud transaksi pembelian barang dan/atau perkhidmatan yang dilakukan untuk penggunaan peribadi dengan Kad Kredit BSN dan **TIDAK** termasuk transaksi berikut:  
*The “Qualified Spending” refers to the purchase transactions for goods and/or services for personal consumption using BSN Credit Cards and shall **NOT** include the following transactions:*
- i. Baharu-kepada-Bank: tidak memegang sebarang Kad Kredit BSN; atau Kad Kredit BSN dimiliki oleh Ahli Kad telah dibatalkan lebih daripada 6 bulan dari tarikh Kad Kredit BSN diluluskan.  
*New-to-Bank: does not hold any BSN Credit Cards; or the BSN Credit Card owned by the Cardmember has been cancelled more than 6 months from the date the BSN Credit Card was approved.*

- ii. Perbelanjaan runcit yang dibatalkan, dikembalikan, dipertikaikan, tidak dibenarkan, tidak sah, berasingan dan / atau penipuan;  
*Retailer spending which is cancelled, refunded, disputed, unauthorized, void, split and/or fraudulent;*
  - iii. Pendahuluan tunai, Pulangan Tunai;  
*Cash advance, Cash Back;*
  - iv. Pembayaran caj perkhidmatan, caj penghantaran, pembayaran tunai, bayaran penggantian kad, cukai perkhidmatan kerajaan, caj dipertikaian, caj penipuan atau apa- apa bayaran, caj atau denda lain yang ditentukan oleh BSN atau sebaliknya;  
*Payment of service charges, delivery charges, cash payments, card replacement fee, government service tax, disputed charges, fraudulent charges or any other fees, charges or penalties determined by BSN or otherwise;*
  - v. PIN Belian, tambah nilai prabayar;  
*PIN Purchase, prepaid reload;*
  - vi. Urus niaga kuasi tunai - contohnya pertaruhan dan/atau transaksi perjudian;  
*Quasi Cash transactions – for example betting and/or gambling transaction;*
  - vii. Transaksi auto debit, bayaran ansuran bulanan; dan  
*Auto debit transactions, monthly instalment payments; and*
  - viii. Urus niaga lain yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa.  
*Such other transaction as BSN may determine from time to time.*
- b) Sebarang penentuan oleh BSN mengenai senarai Perbelanjaan Yang Layak adalah muktamad dan tidak boleh dicabar dengan apa cara sekali pun.  
*Any determination by BSN as to the list of the Qualified Spending shall be conclusive and shall not be challenged in any manner whatsoever.*
- c) Sebarang perbelanjaan oleh Ahli Kad Tambahan akan dianggap sebagai perbelanjaan Ahli Kad, tertakluk kepada Perbelanjaan Yang Layak.  
*Any purchases by the Supplementary Cardmembers shall be considered as the Cardmembers', subject to the Qualifying Spending.*

## HADIAH / PRIZES

6. Hadiah yang ditawarkan bagi Kempen ini ("**Hadiah**") adalah seperti di bawah:-  
*The prizes offered under this Campaign ("Prize") are as follows:-*

Kategori <i>Category</i>	Hadiah <i>Prizes</i>	Bil. Pemenang <i>No. of Winners</i>
<b>Hadiah Utama</b> <i>Grand Prize</i>	<b>RM 15,000 Tunai/ Cash</b>	1
<b>Hadiah Ke-2</b> <i>2<sup>nd</sup> prizes</i>	<b>RM 10,000 Tunai/ Cash</b>	1
<b>Hadiah Ke-3</b> <i>3<sup>rd</sup> prizes</i>	<b>RM 5,000 Tunai/ Cash</b>	3
<b>Saguhati</b> <i>Consolation</i>	<b>RM500 Tunai/ Cash</b>	20

## PROSES PEMILIHAN DAN PEMBERITAHUAN PEMENANG / WINNER SELECTION AND NOTIFICATION PROCESS

7. Pemenang akan dipilih melalui proses pemilihan secara rawak berkomputer berdasarkan Penyertaan Kempen yang telah direkodkan di dalam sistem perbankan BSN sepanjang Tempoh Kempen ("**Pemenang**").

*The Winners will be selected through a computerized random selection process based on the Campaign Entries that have been recorded in the BSN banking system during the Campaign Period ("Winner").*

8. Setiap pelanggan berpeluang memenangi Hadiah sekali sahaja.  
*Each customer will stand a chance to win the Prize only once.*
9. Senarai Pemenang akan diumumkan dalam masa dua belas (12) minggu selepas Tempoh Kempen tamat.  
*The list of the Winners will be announced within twelve (12) weeks after the Campaign Period ends.*
10. Butiran Pemenang (nama dan empat (4) nombor terakhir kad pengenalan) akan dipaparkan di [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) ("**Laman Web BSN**") dan/atau laman media sosial rasmi BSN dan paparan tersebut dipersetujui oleh pelanggan dengan menyertai Kempen ini.  
*The Winners' details (name and the last four (4) digits of their identification number) will be published at [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) ("BSN's Website") and/or BSN's official social media page and the publication is consented by the customer by participating in this Campaign.*
11. Pemenang juga akan dihubungi melalui SMS dan/atau emel dan/atau mana-mana kaedah lain yang dianggap sesuai oleh BSN bagi tujuan pemakluman keputusan Pemenang.  
*The Winners will also be contacted via SMS and/or email and/or any other method(s) deemed suitable by BSN for the purpose of notifying the Winners' status.*
12. Hadiah akan dikreditkan oleh BSN ke mana-mana akaun BSN Pemenang yang direkodkan dalam sistem BSN (akaun Giro/-i atau akaun Kad Kredit BSN, mana-mana yang terpakai). Pemenang yang tidak mempunyai sebarang akaun BSN bagi tujuan pengkreditan Hadiah hendaklah terlebih dahulu membuka akaun tersebut di BSN.  
*The Prize will be credited by BSN into the Winners' BSN account as recoded in BSN's system (Giro/-i account or BSN Credit Card account, whichever is applicable). The Winners that do not have any BSN account for the purpose of crediting the Prize shall first open such account with BSN.*
13. BSN berhak untuk memilih pelanggan yang lain sebagai Pemenang untuk menggantikan mana-mana Pemenang yang tidak layak atau tidak dapat dihubungi atau gagal atau enggan membuka akaun BSN sepertimana dinyatakan di Klausa 12 di atas atau hilang kelayakan atas apa jua sebab sepanjang Tempoh Kempen.  
*BSN reserves the right to select another customer as a Winner to substitute any Winner who are ineligible, cannot be contacted or fails or refuses to open a BSN account as specified in Clause 12 above or disqualified for any reason whatsoever throughout the Campaign Period.*
14. BSN berhak, untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis jika Hadiah tersebut tidak tersedia atas apa jua alasan. Semua Hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada', tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.  
*BSN has the right to substitute any of the Prizes with items of equivalent value, at any time without prior notice if the awarded Prizes are unavailable for any reason whatsoever. All Prizes are given on an "as is" basis, are not transferrable and are not exchangeable for cash, credit, other items or voucher, in part or in full.*
15. Semua pelanggan mesti mematuhi Terma dan Syarat ini serta Terma dan Syarat yang disertakan dengan Hadiah, sekiranya ada.  
*All Winners shall abide to the Terms and Condition of BSN for this Campaign and the Terms and Conditions attached to the Prizes, if any.*
16. Penentuan Pemenang adalah muktamad. sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau protes tidak akan dilayan.  
*The determination of the Winners is final. Any correspondence, queries, appeals or protest will not be entertained.*

#### **HAK BANK / BANK'S RIGHT**

17. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Kempen ini pada bila-bila masa dan atas apa jua sebab. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang

ditanggung oleh pelanggan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini yang dibuktikan di dalam Klausa ini.

*BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Campaign at any time and for any reason whatsoever. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by customer directly or indirectly, caused by the changes described in this Clause.*

18. BSN berhak, mengikut budi bicara mutlakny untuk membatalkan penyertaan mana-mana pelanggan yang didapati atau disyaki melanggar Terma dan Syarat ini. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau melanggar Terma dan Syarat ini.

*BSN reserves the right, in its sole discretion, to disqualify any customer who is found or suspected to be in violation of this Terms and Conditions. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or in breach of this Terms and Conditions.*

## **LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY**

19. Pelanggan adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan mereka di dalam Kempen ini.

*The customer shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.*

20. Sebarang kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh pelanggan untuk menyertai Kempen ini dan/atau untuk menuntut Hadiah termasuk tetapi tidak terhad kepada kos pengangkutan, penginapan, makan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain (mana-mana yang berkaitan) adalah di bawah tanggungjawab penuh pelanggan.

*Any cost, fee and/or expenses incurred by the customer to participate in this Campaign and/or to redeem the Prize including but not limited to the cost for transportations, accommodation, meals, personal costs and/or any other costs (whichever is relevant) is the sole responsibility of the customer.*

21. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana pelanggan daripada menyertai Kempen ini.

*BSN is not responsible for technical problems that prevent any customer from participating in this Campaign.*

22. BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu kepada mana-mana pelanggan daripada penyertaan Kempen ini.

*BSN cannot guarantee and does not promise any specific results to any customer from participating in this Campaign.*

## **DATA PERIBADI / PERSONAL DATA**

23. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutunya berkenaan dengannya, untuk menggunakan Data Peribadi pelanggan dan Butiran Penyertaan pelanggan yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini sahaja, tertakluk kepada Polisi Privasi yang terdapat di Laman Web BSN.

*By participating in this Campaign, the customer hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates, to use the Personal Data and Participation Details as provided to BSN for the purposes of this Campaign only, subject to the Privacy Policy that is available on BSN's Website.*

24. Pelanggan mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

*The customer have the right at any time to:*

- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;  
*Withdraw their consent for the use of Personal Data;*
- b) Meminta apa-apa pembedahan/pengemaskinian Data Peribadi; dan  
*Request for any correction/update of Personal Data; and*
- c) Bertanya mengenai penggunaan Data Peribadi;  
*Raise any questions regarding the use of Personal data;*

dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.  
*by contacting BSN as stated in the BSN's Privacy Policy.*

## **TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS**

25. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan dianggap telah bersetuju:  
*By participating in this Campaign, customer are deemed to have agreed:*
- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan yang dibuat ke atasnya; dan  
*To be bound by the Terms and Conditions herein and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendments thereto; and*
  - b) Untuk mengakses Laman Web BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan pelanggan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Kempen dan/atau Terma dan Syarat.  
*To access BSN's Website on regular basis to ensure that the customer are updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.*
26. Bagi tujuan Kempen ini sahaja, pelanggan dan/atau Pemenang bersetuju dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada Data Peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Web BSN.  
*Strictly for the purpose of this Campaign, the customer and/or Winners agree and consent to their personal details including without limitation to Personal Data or information being collected, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any, in accordance with BSN's Privacy Policy, which may be viewed on BSN's Website.*
27. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan dan/atau Pemenang memberi kebenaran kepada BSN, khususnya bagi tujuan Kempen ini sahaja, untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumatnya untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang dan pengumuman pemenang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia Perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN, tertakluk kepada Polisi Privasi di Laman Web BSN.  
*By participating in this Campaign, the Customer and/or Winners consent to BSN, strictly for the purpose of this Campaign only, the right to publish or display the its name, picture or any other information for current and future advertising and promotional purposes and winner announcement in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate, subject to the Privacy Policy in BSN's Website.*
28. Semua keputusan yang dikeluarkan oleh BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua pelanggan, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang suratmenyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.  
*All BSN's decisions relating to the Campaign is final, binding on all customer, conclusive and undisputable. Any further correspondence and/or appeal to dispute the same will not be entertained.*
29. Dalam apa jua keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuiaan atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen dan/atau Hadiah.  
*In all circumstances BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign and/or Prizes.*
30. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh pelanggan yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. Tambahan lagi, BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

*BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by the customer resulting, directly or indirectly, from participation in the Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be held liable for any default of its obligation under the Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.*

31. BSN berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Kempen, pada bila-bila masa dengan memberikan notis yang secukupnya, dalam tempoh tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut berkuatkuasa, melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, paparan notis di cawangan BSN, atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh pelanggan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan yang dibuktikan di dalam Klausula ini. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat pelanggan dan/atau Pemenang.

*BSN reserves the right at its absolute discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Campaign Period, at any time by providing sufficient notice for a period of not less than twenty one (21) days prior to the amendment, variation, deletion and addition become effective by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by posting the notice in BSN's branches or any other method of communication that BSN think appropriate. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Customer, directly or indirectly, caused by the changes specified in this Clause. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the customer and/or Winner(s).*

32. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak BSN.

*In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not covered in these Terms and Conditions will be determined by BSN at its sole discretion.*

33. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

*These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.*

34. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Kempen ini, sila hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di 1300 88 1900.

*For more information and query relating to the Campaign, please contact BSN Customer Contact Centre at 1300 88 1900.*

**- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -  
- END OF CAMPAIGN TERMS AND CONDITIONS -**